

UCAPAN YAA TUN ARIFIN BIN ZAKARIA
KETUA HAKIM NEGARA
SEMPENA MAJLIS ANGKAT SUMPAH PELANTIKAN
HAKIM PADA 7 FEBRUARI 2017
ISTANA KEHAKIMAN, PUTRAJAYA



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

**YAA Tan Sri Dato' Sri Zulkefli bin Ahmad Makinudin
Hakim Besar Malaya**

**YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum
Hakim Besar Sabah & Sarawak**

**YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali
Peguam Negara**

**YA Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi
dan Pesuruhjaya Kehakiman**

**YBhg. Dato' Sri Latifah binti Haji Mohd Tahar
Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia**

**YBhg. Datuk Hamidah binti Khalid
Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman**

**Encik Steven Thiru
Presiden Majlis Peguam**

**Pegawai-pegawai Kehakiman, Ahli Media, para keluarga dan shabat handai,
hakim-hakim yang dilantik pada pagi ini**

Hadirin dan hadirat sekalian.

- [1] Terlebih dahulu marilah kita merafak kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahNya dapat kita berkumpul dalam majlis yang bersejarah pada pagi ini. Bagi pihak Badan Kehakiman, saya menjunjung kasih atas limpah perkenan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, di atas perkenan DYMM Yang Di-Pertuan Agong melantik Hakim-Hakim pada hari ini. Sesungguhnya, pelantikan ini merupakan satu penghormatan oleh Seri Paduka Baginda selaku Ketua Negara Malaysia kepada Badan Kehakiman yang menjadi tonggak kepada kedaulatan undang-undang negara kita. Hari ini bukan sahaja bersejarah buat YA-YA yang baru dilantik, tetapi ia juga mencatat sejarah bagi saya sendiri. Ini kerana majlis angkat sumpah ini adalah majlis yang terakhir seperti ini bagi saya sebagai Ketua Hakim Negara.
- [2] Terlebih dahulu, saya dan seluruh warga Badan Kehakiman mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YA Dato' Dr Prasad Sandosham Abraham yang telah dilantik sebagai

Hakim Mahkamah Persekutuan dan kepada kesemua 10 orang Pesuruhjaya Kehakiman yang telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Malaya dan seorang Hakim Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak. Setakat hari ini secara keseluruhannya, Badan kehakiman Malaysia dianggotai 132 orang Hakim yang terdiri daripada 12 orang hakim Mahkamah Persekutuan, 27 orang Hakim Mahkamah Rayuan, 63 orang Hakim Mahkamah Tinggi dan 26 orang Pesuruhjaya Kehakiman.

- [3] Saya percaya bahawa perlantikan ini adalah merupakan satu lagi kejayaan yang telah berjaya digarap oleh Yang Arif-Yang Arif dalam profesyen anda. Sudah tentunya upacara hari ini akan terlakar sebagai satu kenangan indah dalam sejarah hidup Yang Arif-Yang Arif dan keluarga. Untuk sampai kepringkat ini saya percaya YA-YA telah melalui berbagai-bagai cabaran. Banyak onak dan duri yang perlu di atasi. Tetapi pada hari ini saya yakin YA-YA telah mencapai kepuasan setelah berusaha dengan penuh kesungguhan.

Hadirin sekelian,

- [4] Tugas sebagai seorang Hakim bukanlah sesuatu yang mudah. Gelaran “Yang Arif” yang bermaksud orang yang bijaksana yang berikan kepada para Hakim dinegara ini jelas menggambarkan ekspektasi masyarakat agar Hakim-Hakim menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh bijaksana. Dari segi bahasa, bijaksana bermaksud memiliki kepandaian menggunakan akal fikiran, kecekapan berfikir, luas pengetahuan dan banyak pengalaman. Dalam kata lain, para Hakim haruslah bertindak dengan pemikiran yang cukup matang bersandarkan ilmu yang ada, sehingga tindakan yang dihasilkan tidak menyimpang dari landasan perundang. You must always remember that the judge is “the pillar of our entire justice system”. (to quote what was said by the Supreme Court of Canada)
- [5] YA-YA telah diberi penghormatan untuk menjadi Hakim bagi mengadili pertikaian yang timbul di kalangan masyarakat dan di antara individu dengan kerajaan. Ini bukan satu tugas yang ringan atau mudah. Bukan semua orang boleh menjalankan tugas yang

penuh dengan cabaran ini. As you move up the ladder I can assure you the challenger also increase commensurate with your position. So I advise you to build your mental/stamina as you move up the ladde. That will keep you in good stead in later years.

Para Hadirin sekalian,

- [6] Suka saya menyatakan bahawa kita kini berada di era ketika dunia mengalami ledakan teknologi maklumat yang hebat. Perubahan kepada norma dan lunas-lunas kehidupan manusia berlaku pada setiap detik dan saat. Undang-undang yang berfungsi sebagai peraturan-peraturan yang telah digubal untuk melindungi, mengatur dan memelihara hak individu mahupun umum demi mewujudkan keharmonian sosial juga, tidak boleh lari daripada terkena tempias arus perubahan yang semakin hebat melanda. Mahu atau tidak, kita harus akur bahawa peralihan ini memberi impak yang besar, bukan sahaja kepada undang-undang Negara, tetapi juga kepada prinsip-prinsip perundangan yang terpakai.

- [7] Tambahan lagi, fenomena dunia tanpa sempadan turut menyaksikan perubahan yang ketara kepada cara hidup masyarakat pada masa kini. Ini membawa kepada munculnya kes-kes yang bersifat global seperti kes-kes teroris, pemerdagangan manusia dan juga kes-kes keselamatan yang membabitkan aktiviti subversif yang merentasi sempadan negara.
- [8] Dalam mendepani cabaran masa kini, saya kira, para Hakim hendaklah sentiasa berusaha untuk melengkapkan diri masing-masing dengan ilmu yang berkaitan agar pengetahuan undang-undang anda sentiasa seiring dengan perkembangan isu semasa. Ini adalah penting bagi memastikan agar undang-undang dinegara ini berkembang dengan pesat di atas landasan perundangan yang betul. Dalam sehubungan ini suka saya memetik ucapan Lord President of Scotland, Lord Gill (Brian Gill) di Commonwealth Law Conference pada 13 April 2015,

“The law that we serve is an intellectual discipline. If a legal system is to survive it must be in the hands of judges who have a profound understanding of its theoretical roots and of

the concepts by which the process of legal analysis is carried out. We need judges who have the qualities of imagination and inventiveness by which the law develops and without which judges become the hapless captive of precedent.”¹

Dengan kata lain adalah menjadi tugas para hakim untuk merungkai permasalah yang timbul dengan mengguna daya kreativiti yang ada pada diri YA-YA. Janganlah hendaknya kita mengikut judicial precedent secara membuta tuli tanpa analisa yang lengkap dan sempurna. Dengan cara ini sahaja kita akan dapat menghasilkan penghakiman yang matang demi mencapai keputusan yang adil dan saksama.

- [9] Zaman teknologi maklumat ini juga menyaksikan penghakiman seorang hakim boleh tersebar dengan cepat dan pantas melalui medan sosial kepada orang awam, sama ada di dalam atau di luar negara. Kebaikan yang di perolehi daripada perkara ini adalah orang awam akan dimaklumkan mengenai alasan-alasan yang membawa kepada keputusan tersebut. Dimasa yang sama, ianya berkeupayaan

¹ Lord Gill (Brian Gill), Lord President of Scotland, ‘Speech to the Commonwealth Law Conference. Independence of the judiciary and the legal profession’ (before his retirement in May 2015), 13 April 2015, at page 9.

menjadikan sesuatu penghakiman lebih terbuka kepada kritikan sama ada daripada ahli akademik, orang awam, jurnalis mahu pun ahli politik.

- [10] Perlu diingatkan bahawa bahawa para Hakim dibatasi etika kehakimannya untuk membela penghakiman yang dikritik tersebut. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap Hakim untuk sentiasa memastikan bahawa setiap penghakiman yang dikeluarkan adalah betul dan tidak tersasar serta menyeleweng dari prinsip undang-undang yang terpakai. Ini adalah kerana kritikan yang baik akan memberikan persepsi yang positif kepada Hakim, sebaliknya, kritikan yang negatif boleh menyebabkan masyarakat memandang serong terhadap Badan Kehakiman. Bagaimanpun, suka saya tegaskan di sini, selagi mana keputusan yang dihasilkan adalah mengikut lunas undang-undang dan keadilan, anda tidak seharusnya takut kepada sebarang kritikan yang mendatang. *The barometer is your own conscience. If your conscience is clear than you have nothing to fear.*

[11] Prinsip ini sejajar dengan prinsip kehakiman dalam Islam. Dalam satu hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya

“Apabila sesorang hakim berijtihad dalam hukumannya kemudian betul ijtihadnya itu maka dia akan memperolehi dua pahala, sebaliknya jika tersalah ijtihadnya maka dia akan memperolehi satu pahala.”

‘Ijtihad’ means diligence. It is an Islamic legal term that means “independent reasoning” or “the utmost effort an individual can put in as activity”. It means that you have to fully dedicate yourself to the service of justice without any aberration.

[12] Hakim yang cemerlang adalah Hakim yang sentiasa memelihara ketertiban atau kesopanan serta berhemah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Mengikut jawatankuasa yang menilai krietria Hakim daripada Illinois State Bar Association, Bench and Bar Section Council, di dalam kertas kerjanya ‘What’s the Measure of Judicial Excellence”, petikannya berbunyi,

“An excellent judge possess a “judicial temperament”. This term encompasses a variety of attributes, including civility, courtesy, dignity, patience, tact, understanding, compassion and a personality free from arrogance, bias and prejudice.”²

- [13] Berkomunikasilah dengan jelas di dalam mengetengahkan isu perundangan dan membuat keputusan di dalam setiap kes. Badan Kehakiman juga memupuk persahabatan baik dengan pihak media agar orang awam mendapat pendedahan dan maklumat yang betul mengenai kes perundangan. *The best way to reach out to the public is through the media.*
- [14] Akhir sekali, saya ingin mengingatkan kesemua para Hakim supaya sentiasa menghormati dan berpegang kepada Perlembagaan Persekutuan, undang-undang dan menghakimi dan menghormati keputusan Mahkamah Atasan.

² Subcommittee on the Criteria for an Excellent Judge, Illinois State Bar Association, Bench and Bar Section Council, at page 2.

[15] Sekali lagi saya merakamkan ucapan tahniah kepada semua Hakim yang dilantik pada hari ini. Saya doakan anda semua akan terus maju jaya dalam mengharungi kerjaya anda dan hendaklah sentiasa istiqamah dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan ini.

Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**TUN ARIFIN BIN ZAKARIA
KETUA HAKIM NEGARA
7 februari 2017**